

# NFC: Kertas dikembali

KUALA LUMPUR 2 Mac - Pejabat Peguam Negara memulangkan semula kertas siasatan pertuduhan pecah amanah melibatkan Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) untuk dilakukan siasatan lebih terperinci.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Khalid Abu Bakar berkata, kertas siasatan itu bagi mencadangkan pertuduhan terhadap individu yang diperlakukan terlibat dipulangkan kepada polis baru-baru ini.

“Polis sedia menerima apa sahaja cadangan Peguam Negara, keputusan untuk menu-duh individu yang terlibat dibuat oleh jabatan itu sendiri jadi biarlah ia diputuskan sendiri oleh mereka.

“Kes ini bukan satu isu yang perlu dibincang dan dibuat pelbagai spekulasi, biar polis lakukan siasatan dan Peguam Negara membuat keputusan sama ada akan dibuat pertuduhan,” katanya selepas menutup Program Sains Diploma Siasatan di Maktab Polis Diraja Malaysia Cheras di sini hari ini.

Isu NFC berbangkit ekoran laporan audit itu dan disusuli dakwaan pembangkang bahawa berlaku penyelewengan dana NFC yang dikaitkan dengan pembelian kondominium mewah.